

Persepsi guru dan murid di MITS Selangor terhadap penggunaan teknologi maklumat (ICT) dalam pengajaran tahfiz

[The perception of MITS Selangor teachers and students towards the use of information technology (ICT) in teaching]

Mardhiah Yahaya^{1*}, Rohana Zakaria,¹ Mohd Shaiful² & Muhammad Zaid¹

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.

² Institut Latihan dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia, Port Dickson, Negeri Sembilan, Malaysia.

* Corresponding Author: Mardhiah Yahaya. Jabatan Tahfiz Al-Quran dan Al-Qiraat, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), 43000 Kajang, Selangor, Malaysia. E-Mail: mardhiah@kuis.edu.my, Telp.: 019-2298184.

Keywords:

The Quran, Tahfiz, ICT, TMK

ABSTRACT

This article discusses the scenario of ICT use in the teaching of Quranic tahfiz. Tahfiz education in Malaysia has been well established for the past 10 years. The teaching of tahfiz has to evolve alongside the 21st century educational nature which advances the use of ICT. Therefore, this study is to analyse the readiness of both teachers and students of MITS Selangor in using ICT in the teaching of Quranic memorisation. This descriptive study uses the quantitative approach for its primary data. The data were obtained from a set of questionnaire instrument distributed to 279 students and 59 teachers at MITS as subjects for the study. The data were then analysed using the Statistical Product and Service Solutions 22.0 (SPSS 22.0) software. The findings reveal the readiness of teachers in using ICT in the teaching of tahfiz having an overall mean of 3.81 and s.p 0.775 is interpreted to be at a moderate high level. The overall mean for students is 3.33 with also a high moderate level of s.p 0.736. While the teachers have a positive perception on the importance of using ICT in the teaching of tahfiz, the use of it is still moderate. Teaching tahfiz based on ICT has to be enhanced as an effective teaching aid through the formation of an environment that encourages needs, interests and their situations. Besides that, it also supports the interest of learners according to the trends in time. This is as advocated by the Malaysian Ministry of Education to produce memorisers of the Quran who are not only proficient, but possess the potential for a wholesome physical and spiritual growth.

Kata Kunci:

al-Quran, Tahfiz; ICT, TMK

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan membincangkan senario penggunaan ICT dalam pengajaran tahfiz al-Quran. Umum mengetahui bahawa pendidikan tahfiz di Malaysia bukan lagi pendidikan yang asing dan ia mula diterima sejak 10 tahun sebelum ini. Pengajaran tahfiz perlu kepada perubahan bertepatan dengan pendidikan abad ke-21 iaitu dengan memperkasa penggunaan ICT. Justeru objektif kajian ini adalah menilai tahap kesediaan guru dan pelajar MITS di Selangor terhadap penggunaan ICT dalam proses pengajaran hafazan al-Quran. Oleh itu, kajian deskriptif ini menggunakan

pendekatan kuantitatif sebagai data utama. Data diperoleh melalui instrumen soal selidik yang diedarkan kepada 279 orang pelajar dan 59 guru di MITS sebagai pemilihan subjek dalam kajian ini. Kemudian data dianalisis menggunakan perisian *Statistical Product and Service Solutions* 22.0 (SPSS 22.0). Hasil kajian menunjukkan kesediaan guru terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran tahfiz pada tahap min keseluruhan 3.81 dan s.p 0.775 berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi. Manakala bagi murid min keseluruhan adalah 3.33 dan s.p 0.736 berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi. Walau bagaimanapun, persepsi majoriti guru setuju dan sangat setuju terhadap kepentingan penggunaan ICT dalam pengajaran tahfiz namun tahap penggunaannya masih di peringkat sederhana. Sedangkan dalam masa yang sama permintaan murid-murid terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dalam interpretasi sederhana tinggi. Pengajaran tahfiz berasaskan ICT harus diperkasakan sebagai satu alat pengajaran yang sangat efektif melalui pembentukan persekitaran pembelajaran yang menyokong keperluan, minat dan situasi peribadi mereka. Selain itu, turut menyokong kepada keinginan murid yang mengikut peredaran zaman. Ini selari dengan tuntutan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu melahirkan huffaz yang bukan sahaja menghafaz dengan lancar malah memiliki perkembangan potensi jasmani dan rohani secara menyeluruh.

Received: November 16, 2021

Accepted: April 02, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pengenalan

Kepesatan dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) kini telah banyak merubah pelbagai aspek hidup umat Islam di Malaysia. Jika dilihat sebelum wujudnya alat-alat sebaran am seperti radio dan televisyen, umat Islam bergantung kepada surat khabar dan majalah untuk mendapatkan maklumat terkini. Walau bagaimanapun, kebergantungan ini telah berubah kepada teknologi di mana ia menjadi bukti bahawa masyarakat kita semakin bergerak maju seiring dengan revolusi industri 4.0 yang sedang rancak berlaku di seluruh dunia. Kemunculan teknologi moden di ambang alaf baru sesuai dengan wawasan 2020 ternyata membawa cabaran yang lebih besar kepada umat Islam kerana bersamanya mengalir pelbagai bentuk maklumat yang tidak lagi dapat disekat apatah lagi amat sukar ditapis (Hassan, Zakaria, Long, Goje, & Said, 2016; Syed Hassan, Zakaria, Mohd Raus, Hanafi, & Syed Hassan, 2010).

Pendidikan juga secara tidak langsung terlibat mendepani situasi ini. Pengajaran merupakan proses penyampaian kemahiran, ilmu pengetahuan, sikap dan nilai-nilai yang mana perkara-perkara tersebut memerlukan kepada perancangan topik, objektif, standart kandungan dan standart pembelajaran, cara penyampaian dan penilaian yang wajar dengan ciri-ciri kebolehan sedia ada murid (Ee, 1997). Maka mengikut konteks kajian ini guru tahfiz perlu melakukan pembaharuan dalam pengajaran yang mana ia bertindak sebagai agen perubahan dari segi nilai, makna dan kepercayaan. Selain menjadikan pengajaran yang lebih efektif dan berdaya saing seterusnya menghilangkan rasa bosan murid dari pengajaran guru yang bersifat kaku dan statik seperti mana yang dinyatakan di dalam kajian Tamuri (2018).

Teknologi mudah alih tanpa wayar hasil dari kemajuan teknologi kini bakal menjadikan pendidikan tahfiz lebih fleksibel dan mudah untuk diakses tanpa mengira masa dan tempat. Penelitian dari kajian penyelidikan para sarjana telah mendapati banyak kebaikan dan keberkesanan terhadap pengajaran yang menggunakan teknologi maklumat ini (Haron, Othman & Awang, 2020). Selain itu, kewujudannya juga dieksploitasikan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dengan begitu rakus untuk pelbagai matlamat. Oleh itu, ini merupakan tugas yang patut digalas oleh guru tahfiz untuk menjadikan medium ini sebagai alat yang mampu memberi impak yang positif dalam dunia pendidikan.

Selain dari itu, penggunaan ICT dikatakan mampu menjadi sebagai penjana kepada persekitaran pembelajaran kreatif dan kondusif yang mana ia mampu mengubah proses pengajaran dan pembelajaran yang

lebih sistematik (Volman & van Eck, 2001). ICT yang sebelum ini dianggap sebagai bahan bantu mengajar (BBM) tapi kini ia juga sebagai penyokong cara baru kepada proses pengajaran dan pembelajaran (Ja'apar, 2017). Sumbangan yang sangat besar dari penggunaan ICT dalam pendidikan ialah berjaya menarik minat murid-murid dalam pembelajaran. Ini terbukti dari ciri-ciri yang dimiliki oleh ICT amat mudah digunakan. Selain itu, mampu memaparkan gambar dan grafik yang menarik, demonstrasi, video, penerangan melalui gambar yang secara tidak langsung ia dapat memberi kefahaman yang sangat mendalam kepada pengetahuan murid (Othman & Othman, 2016). Justeru membantu guru-guru menyampaikan isi pengajaran dengan lebih mudah dan berkesan yang mana ciri-ciri tersebut memenuhi juga kepada kaedah dan teknik yang perlu ada dalam proses pengajaran tahfiz iaitu mendengar, melihat, membaca dan menulis yang melibatkan kepelbagaian pancaindera. Maka jelas terbukti bahawa, BBM harus mempunyai empat kategori iaitu bahan yang didengar, dilihat, dibaca dan ditulis. Tuntasnya, ICT menjadi elemen penting dalam membantu pemahaman murid.

Institusi tahfiz yang menjadi sebahagian daripada kerangka pendidikan Islam khususnya di Malaysia yang perlu mempunyai manhaj dan model yang berkualiti, berkeupayaan dan berkesan agar produk yang dihasilkan seiring dengan falsafah dan matlamat pendidikan Islam yang telah digubal oleh kerajaan (Ismail, 2018). Manhaj dan model ini juga bertindak sebagai pemangkin yang akan menghidupkan institusi tahfiz berkenaan di samping menjadi jaminan kepercayaan masyarakat. Kedua-dua komponen ini perlu jelas, sistematik dan praktikal supaya hasilnya mampu dimanfaatkan bukan sahaja untuk pembangunan diri bahkan seluruh ummah khususnya.

Selari dengan kemajuan sistem pendidikan di Malaysia, perkembangan sekolah-sekolah tahfiz juga semakin pesat di samping turut melahirkan modal insan yang berkualiti dalam pelbagai aspek. Namun begitu, masih banyak dapatan kajian oleh para sarjana berkaitan dengan pendidikan tahfiz menuntut kepada penambahbaikan dari sudut pengajaran yang lebih baik dan bersistematik (Daud et al., 2012; Hashim & Tamuri 2012; Ismail, Mohamad, Tengku Puji & Yusof, 2017; Yahaya, 2017). Perkara ini perlu ditangani dengan segera kerana melihat kepada pertumbuhan institusi tahfiz kini semakin berkembang luas.

Oleh itu, corak pengajaran dalam bidang Pendidikan tahfiz yang sering dianggap mundur dilihat sebagai punca yang menjadi penyumbang kepada masalah ini. Justeru itu, pendekatan yang lebih kreatif sewajarnya difikirkan dan digunakan oleh guru tahfiz dalam menyampaikan pengajaran mereka agar jiwa murid mampu untuk memahami ilmu-ilmu al-Qur'an ini dengan lebih mendalam mendepani cabaran Pendidikan abad ke 21. Kajian Aziz (2013) menyatakan bahawa kesediaan guru di sekolah agama adalah tinggi namun tahap penggunaan ICT dalam kalangan mereka adalah sederhana. Oleh sebab pengetahuan yang baik dalam penggunaan ICT akan menjadikan guru akan lebih bersedia dan yakin (Johari & Fazliana, 2011).

Guru perlulah lebih arif dalam menyampaikan pengajaran kerana keberkesanan PdP akan membentuk pelajar yang cemerlang (Jasmi, Ibrahim, & Mohd. Faez, 2012). Walau bagaimanapun, sejauh mana kesediaan guru terhadap kecanggihan teknologi kini mampu merealisasikan sesuatu pengajaran dengan lebih berkesan. Menurut Abdul Rahim dan Hashim (2017) melaporkan bahawa tenaga pengajar tahfiz mengakui bahawa teknologi mampu membantu proses pengajaran namun mereka tidak bersedia menggunakannya. Harapan yang besar oleh pihak kerajaan perlu seiring untuk berdaya saing melengkapkan setiap murid dengan kemahiran baru untuk mendepani cabaran PAK21 yang mempunyai ciri-ciri berpengetahuan tinggi, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global (Kementerian Pendidikan Malaysia [KPM], 2013).

2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif. Manakala jenis kajian merupakan kajian tinjauan (*survey*) yang menggunakan satu set soal selidik. Kajian tinjauan digunakan dalam kajian ini berdasarkan kepada kenyataan oleh Wiersma yang berpendapat bahawa kajian kaedah tinjauan merupakan antara kaedah yang baik jika kajian tersebut merupakan satu kajian yang ingin mengukur atau menilai sikap, persepsi dan pencapaian (Wiersma, 2000).

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan bertujuan untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan kesediaan guru dan murid di Maahad Integrasi Tahfiz Sains di Selangor (MITS) terhadap penggunaan ICT di dalam pengajaran tahfiz. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik sebagai instrumen untuk mendapatkan hasil kajian. Instrumen soal selidik telah dibangunkan oleh penyelidik kemudian disahkan oleh pakar dalam bidang yang dipilih. Bagi menjayakan kajian, pengumpulan data telah dijalankan sebaik sahaja kajian rintis dilaksanakan sepenuhnya serta kebolehpercayaan dan kesahan borang kaji selidik disempurnakan.

Pemilihan responden yang digunakan bagi kajian ini adalah para guru dan murid-murid Maahad Integrasi Tahfiz Sains di Selangor (MITS). Kaedah penganalisan data secara deskriptif merupakan satu teknik

penghuraian secara menyeluruh tentang kajian yang dijalankan. Statistik yang digunakan dalam penyelidikan ini ialah statistik deskriptif (Chua, 2006). Namun dalam analisis kajian ini penyelidik akan menggunakan kekerapan, peratusan dan min untuk menginterpretasi data yang telah diperolehi. Maklum balas responden adalah dalam bentuk skala 1 hingga 5 iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, sederhana setuju, setuju dan sangat setuju.

3. Dapatan Kajian

Penyelidik menganalisis data dan menghuraikan dapatan kajian berdasarkan persoalan kajian, iaitu bagaimana tahap kesediaan guru dan murid terhadap teknologi maklumat (ICT) dalam pengajaran hafazan al-Quran.

3.1 Kesediaan Guru dengan Penggunaan Teknologi Maklumat (ICT) dalam Pengajaran Hafazan al-Quran

Min keseluruhan kesediaan guru bagi penggunaan ICT dalam pengajaran hafazan al-Quran adalah 3.81(s.p 0.775) berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi. Analisis data menunjukkan majoriti responden iaitu seramai 48 daripada 11 orang guru (69.5%) bersetuju menggunakan komputer setiap hari sebagai medium untuk mencari rujukan tambahan. Manakala bakinya sangat tidak setuju dan tidak setuju (18.7%). Begitu juga dengan hasil dapatan majoriti 49 orang (83%) yang sangat setuju, setuju dan sederhana setuju bahawa menggunakan ICT menjadikan pengajaran lebih sistematik. Manakala bakinya pula sangat tidak setuju dan tidak setuju (17%).

Seterusnya bagi item mempelbagaikan kaedah mengajar dengan ICT sebagai medium utama majoriti sangat setuju dan setuju dengan nilai kekerapan sebanyak 37 orang (89.8%), sederhana setuju 13 orang (22%) dan sangat tidak setuju dan tidak setuju hanya seramai 6 orang (10.3%). Manakala seramai 29 orang (49.1%) sangat bersetuju dan setuju bahawa sentiasa mengikuti perkembangan teknologi maklumat untuk diaplikasikan dalam pengajaran tahfiz, sederhana setuju 19 orang (32.2%), sangat tidak setuju dan tidak setuju seramai 11 orang (18.6%).

Bagi item penggunaan audio sebagai contoh bacaan qari-qari terkenal kepada pelajar, seramai 27 orang (45.8%) sangat setuju dan setuju, 22 orang sederhana setuju (37.3%) dan sangat tidak setuju dan tidak setuju 10 orang (17%). Manakala bagi penggunaan video sebagai rujukan hanya seramai 24 (40.7%) sangat setuju dan setuju, 24 orang (40.7%) sederhana setuju dan 11 (18.6%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju.

Berikutnya bagi item kesediaan menggunakan ICT dalam hanya 4 orang (6.8%) sangat tidak setuju dan tidak setuju manakala 55 orang (95.2%) sangat setuju, setuju dan sederhana setuju. Begitu juga dengan item menyokong konsep E-Learning dalam pengajaran tahfiz iaitu seramai 6 orang (10.2%) sahaja yang sangat tidak setuju dan tidak setuju. Sebaliknya 53 orang (83.1%) sangat setuju, setuju dan sederhana setuju.

Seterusnya bagi item penjimatan masa terhadap penggunaan ICT masing-masing sangat setuju, setuju dan sederhana setuju iaitu majoriti 55 orang (91.6) dan hanya 5 orang (8.4%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju. Akhir sekali bagi item ICT menjimatkan kos majoriti 51 orang (86.4%) sangat setuju, setuju dan sederhana setuju dan hanya 8 orang (13.6%) sangat tidak setuju dan tidak setuju. Item-item bagi kesediaan guru dengan penggunaan ICT dalam pengajaran hafazan dipaparkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan ICT

Kesediaan Guru	STS	TS	SDS	S	SS	Min	s.p	Interpretasi
Guna komputer setiap hari untuk cari bahan mengajar	2 3.4%	9 15.3%	17 28.8%	15 25.4%	16 27.1%	3.57	1.147	Sederhana Tinggi
Lebih sistematik dalam mengajar guna teknologi	2 3.4%	8 13.6%	13 22.0%	20 33.9%	16 27.1%	3.67	1.121	Sederhana Tinggi
Pelbagai kaedah mengajar dengan teknologi	1 1.7%	5 8.5%	17 28.8%	15 25.4%	21 35.6%	3.84	1.063	Sederhana Tinggi
Peka dengan perkembangan teknologi	0 0%	11 18.6%	19 32.2%	17 28.8%	12 20.3%	3.50	1.023	Sederhana Tinggi
Guna audio untuk tunjuk contoh	1 1.7%	9 15.3%	22 37.3%	19 32.2%	8 13.6%	3.40	0.967	Sederhana Tinggi
Guna video sebagai sebagai rujukan	1 1.7%	10 16.9%	24 40.7%	17 28.8%	7 11.9%	3.32	0.954	Sederhana Tinggi
Sedia menggunakan teknologi dalam pendidikan tahfiz	2 3.4%	2 3.4%	10 16.9%	23 39.0%	22 37.3%	4.03	0.994	Tinggi
Teknologi menjadikan pengajaran tahfiz lebih efisien	2 3.4%	2 3.4%	6 10.2%	21 35.6%	28 47.5%	4.20	0.996	Tinggi

Sokong tahfiz berkonsep E-learning	3	3	9	18	26	4.03	1.129	Tinggi
	5.1%	5.1%	15.3%	30.5%	44.1%			
Percaya akan kemampuan teknologi	2	3	5	18	31	4.23	1.039	Tinggi
	3.4%	5.1%	8.5%	30.5%	52.5%			
TMK menjimatkan masa	2	3	8	22	24	4.06	1.013	Tinggi
	3.3%	5.1%	13.6%	37.3%	40.7%			
TMK menjimatkan kos	4	4	10	20	21	3.84	1.186	Tinggi
	6.8	6.8%	16.9%	33.9%	35.6%			
Min Keseluruhan			(s.p)			3.81	0.775	Sederhana Tinggi

3.2 Kesediaan Murid dengan Penggunaan Teknologi Maklumat (ICT) dalam Pengajaran Hafazan al-Quran

Min keseluruhan kesediaan murid bagi penggunaan ICT dalam pengajaran hafazan al-Quran adalah 3.33(s.p 0.736) berada pada tahap interpretasi sederhana tinggi Berdasarkan analisis data bagi kesediaan murid menunjukkan majoriti 253 orang (90.6%) sangat setuju, setuju dan sederhana setuju menggunakan internet setiap hari tujuan belajar dan hanya 26 orang (13%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju. Bagi item murid boleh menyelenggara perkakas elektronik hanya 56 orang (20.1%) yang sangat setuju dan setuju, 107 orang (38.4%) sederhana setuju dan 116 orang (41.6%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju.

Seterusnya seramai 190 orang (68.1%) sangat setuju dan setuju bahawa perisian komputer membantu menyiapkan kerja sekolah, sederhana setuju 64 (22.9%) dan bakinya adalah sangat tidak setuju, tidak setuju seramai 25 orang (9%). Seramai 86 orang (30.8%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju bahawa menggunakan mp3 sebagai medium hafazaan, manakala bakinya sederhana setuju, setuju dan sangat setuju seramai 193 orang (69.1%). Bagi item menggunakan mp4 sebagai medium murajaah hafazan 110 orang (39.5%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju manakala 60.5% iaitu 169 sangat setuju, setuju dan sederhana setuju. Bagi item menggunakan visual dari internet untuk mempelajari makhraj huruf seramai 74 orang (26.5%) setuju dan sangat setuju, 98 orang (34.1%) sederhana setuju dan 107 orang (38.3%) sangat tidak setuju dan tidak setuju. Seramai 106 orang (38%) sangat setuju dan setuju bagi item pelajar lebih berminat merujuk internet sebagai nota tambahan, 95 orang (34.1%) sederhana setuju dan 78 orang (27.9%) yang sangat tidak setuju dan tidak setuju.

Seterusnya item pelajar merujuk internet untuk memahami ayat al-Quran majoriti 129 orang (46.3%) sangat setuju dan setuju, 86 orang (30.8%) sederhana setuju dan 64 (23%) yang sangat tidak setuju dan setuju. Manakala bagi item pelajar menggunakan aplikasi al-Qur'an di telefon pintar majoriti 161 orang (57.7%) sangat setuju dan setuju, 62 orang (22.2%) sederhana setuju dan 56 orang (20.1%) sangat tidak setuju dan setuju. Item-item bagi kesediaan murid dengan penggunaan ICT dalam pengajaran hafazan dipaparkan dalam Jadual 2.

Jadual 2. Kesediaan Murid Terhadap Penggunaan ICT

Kesediaan murid	STS	TS	SDS	S	SS	MIN	S.P	Interpretasi
Guna internet setiap hari untuk belajar	1	25	100	91	62	3.67	0.931	Sederhana Tinggi
	0.4%	9.0%	35.8%	32.6%	22.2%			
Boleh selenggara perkakas elektronik	36	80	107	36	20	2.72	1.071	Sederhana Rendah
	12.9	28.7%	38.4%	12.9%	7.2%			
Perisian komputer membantu kerja sekolah	3	22	64	101	89	3.90	0.976	Sederhana Tinggi
	1.1%	7.9%	22.9%	36.2%	31.9%			
Bermotivasi belajar dengan bantuan TMK	3	15	55	102	104	4.03	0.940	Tinggi
	1.1%	5.4%	19.7%	36.6%	37.3%			
Guna mp3 untuk murajaah hafazan	29	57	81	65	47	3.15	1.227	Sederhana Tinggi
	10.4%	20.4%	29.0%	23.3%	16.8%			
Guna mp4 untuk murajaah hafazan	37	73	84	50	35	2.90	1.212	Sederhana Rendah
	13.3%	26.2%	30.1%	17.9%	12.5%			
Guna visual dari internet untuk belajar makhraj huruf	36	71	98	51	23	2.83	1.122	Sederhana Rendah
	12.9%	25.4%	35.1%	18.3%	8.2%			
Lebih berminat merujuk internet sebagai nota tambahan	16	62	95	62	44	3.20	1.126	Sederhana Tinggi
	5.7%	22.2%	34.1%	22.2%	15.8%			
Rujuk internet untuk faham ayat al-Quran	18	46	86	80	49	3.34	1.139	Sederhana Tinggi
	6.5%	16.5%	30.8%	28.7%	17.6%			
Guna aplikasi al-Quran di telefon pintar	20	36	62	78	83	3.60	1.236	Sederhana Tinggi
	7.2%	12.9%	22.2%	28.0%	29.7%			
Min keseluruhan						3.33	0.736	Sederhana Tinggi

4. Perbincangan

Berdasarkan dapatan kajian. Kesediaan guru dengan penggunaan ICT dalam pengajaran tahfiz pada tahap sederhana tinggi. Guru mengakui ICT merupakan salah satu medium terbaik dalam pengajaran tahfiz. Ini menyokong kepada pandangan Tamuri (2018) yang berpandangan bahawa proses PdP banyak bergantung kepada peranan guru dan kemampuannya dalam menyampaikan ilmu dengan berkesan mengikut corak pendidikan terkini. Justeru para guru perlu beriltizam untuk meningkatkan ilmu dan kemahiran serta memastikan pedagogi sejajar dengan perkembangan abad ke 21 (Md Khairudin, 2008).

Walaupun persediaan guru menggunakan ICT dalam pengajaran majoritinya adalah setuju dan sangat setuju, namun terdapat beberapa perkara yang perlu guru tahfiz memandang secara serius antaranya ialah penggunaan videodan visual dalam pengajaran. Hal ini demikian penggunaan bentuk bahan yang didengar sama ada video mahu pun audio sangat membantu proses menghafaz. Ini menyokong kepada kajian yang telah dijalankan bahawa pelajar tahfiz boleh mengikut bacaan terbaik dari Syeikhul Maqari Mahmud Khalil al-Khusori berpunca dari bahan yang boleh didengar dan dilihat (Darul Quran, 2007). Ini membuktikan bahawa penggunaan bahan media menjadikan guru-guru dapat melaksanakan proses pengajaran dengan lebih berkesan dan efektif di dalam pengajaran agar hasil pembelajaran dapat dicapai. Mungkin juga dengan kaedah ini masalah sebutan makhraj dan bacaan tajwid dalam kalangan pelajar tahfiz dapat diselesaikan. Kaedah ini turut disaran oleh Abū al-Fiḍā' (2006) yang menurut beliau bahan yang bercirikan audio sangat perlu di dalam proses menghafaz. Contohnya, murid boleh mendengar bacaan contoh melalui audio dan menghafaznya. Selain itu, murid juga boleh merakam bacaan mereka sendiri dan menyemak dengan cara mendengar semula untuk membuat penilaian terhadap bacaan mereka.

Selain dari itu, masih terdapat segelintir guru tahfiz yang kurang menggunakan komputer sebagai medium carian maklumat bahan mengajar walaupun mereka bersetuju bahawa pengajaran lebih sistematik menggunakan bahan ICT yang ada di sekolah masing-masing. Penggunaan komputer yang mudah mengakses internet amat memudahkan guru meneroka pelbagai aktiviti menarik dari capaian internet mengikut budaya dan gaya pembelajaran murid. Secara tidak langsung proses pengajaran akan menjadi lebih menarik dan berkesan. Selain itu, dapat mengatasi masalah kebosanan murid dalam pengajaran kepada keseronokkan dan keinginan yang tinggi untuk mengetahui lebih banyak lagi ilmu yang ingin di sampaikan oleh guru. Misalnya, guru boleh memaparkan video yang berkaitan dengan ayat al-Quran sama ada kisah-kisah nabi, asal usul kejadian manusia, balasan syurga dan neraka dan sebagainya. Selain itu, perkongsian yang menarik dari penceramah-penceramah tersohor sebagai bahan untuk melakukan proses *al-Fahm* (kefahaman ayat) semasa proses pengajaran. Contoh-contoh tersebut dapat membantu menajamkan lagi kefahaman murid kerana contoh-contoh yang disebut sebelum ini hanya dapat dibayangkan sendiri oleh murid tapi kini dapat divariasikan dan dapat dilihat dengan lebih jelas sebagai gamabran yang lebih menarik. Hujah ini menyokong kepada beberapa kajian yang menyatakan penggunaan komputer merupakan pendekatan yang lebih moden dan mampu memaksimumkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (Sallehin & Ab Halim, 2018).

Proses pembelajaran murid adalah berkait rapat dari pengajaran guru yang berkesan dan efektif. Maka guru perlu mengatur strategi dan pendekatan yang terbaik mengikut tahap murid itu sendiri mengikut analisis murid yang baik, sederhana dan lemah. Dapatan kajian yang diperoleh telah membuktikan kesediaan positif murid tahfiz terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran melalui analisis dapatan yang telah dipaparkan. Kecenderungan generasi Z menggunakan ICT bukan sahaja mendapatkan sumber maklumat malah menjadikan ICT sebagai medium untuk mendapatkan kefahaman yang lebih berkesan dalam menuntut ilmu (Tamuri, 2019). Penggunaan ICT yang begitu meluas menjadikan pelajar akan menerokai pelbagai ilmu yang mereka ingin ketahui. Buktinya dari hasil dapatan kajian telah membuktikan bahawa murid-murid lebih berminat merujuk internet untuk mendapatkan nota tambahan dalam pembelajaran mereka. Contohnya murid dapat membentuk nota-nota mengikut cara mereka berfikir dengan menggunakan ICT, mahu pun menghayati hafazan mereka dengan melihat penafsiran yang terdapat dari pelbagai sumber yang betul dan tepat melalui penggunaan ICT. Oleh yang demikian, pembentuk karakter bangsa yang positif serta celik terhadap ICT seharusnya dipupuk dalam kalangan murid semasa mereka bersekolah lagi (Rahmat, Mohd Shah & Puteh, 2011).

Selain itu, dapatan juga telah membuktikan bahawa majoriti murid di MITS menggunakan aplikasi al-Quran yang terdapat di dalam telefon pintar. Kelebihan aplikasi yang terdapat di dalam telefon pintar ini menjadikan murid lebih mudah menjalankan aktiviti mereka mengulangkaji bacaan al-Quran atau *murāja'ah*. Hal ini menyokong kepada dapatan yang menyatakan proses pembelajaran berasaskan telefon pintar sangat pesat berkembang (Khalid, Daud, & Nasir, 2016). Contohnya di United Kingdom melaporkan bahawa para pelajar amat meyakong penggunaan ICT dalam pembelajaran terutamanya penggunaan telefon pintar dan aplikasi mudah alih (Payne, Wharrad & Watts, 2012). Selain itu juga, aplikasi al-Quran yang kini mudah dimuat

turun melalui telefon pintar dan sekaligus memudahkan proses *murāja'ah* mereka walau di mana mereka berada. Justeru, murid-murid tahfiz dapat memanfaatkan penggunaan telefon pintar dengan lebih efektif. Malah terdapat juga aplikasi tebuk al-Quran yang memudahkan murid-murid tahfiz melakukan penilaian terhadap hafazan mereka. Kebolehan mengakses capaian internet secara efektif melalui telefon pintar menjadi faktor utama ramai pengguna lebih suka meneroka dan mendapatkan maklumat dengan pantas.

Banyak kajian telah membuktikan ICT membantu proses pengajaran yang baik dan berkesan (A. Rahim, 2013; Abdul Rahim & Hashim, 2017; Hamzan, 2016; Ismail, 2016; Khor & Lim, 2014; Tamuri, 2018). ICT bukan hanya baik dan berkesan malah membantu proses pengajaran menjadi lancar dan bersistematik (Norul' Azmi & Zakaria, 2019). Justeru, tanggapan yang negatif terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran tahfiz patut diubah dan harus diperkasakan sebagai satu alat pengajaran yang sangat efektif melalui pembentukan persekitaran pembelajaran yang menyokong keperluan, minat dan situasi peribadi mereka (Duffy & Roehler, 2008). Oleh itu, daripada data dan fakta yang telah diperolah dari kajian ini ICT telah membuktikan keberkesanannya dan membantu proses pengajaran dengan lebih sistematik.

5. Kesimpulan

Keputusan penggunaan ICT dalam pengajaran tahfiz akan memberi impak positif dalam dunia pendidikan tahfiz. Penggunaannya dalam proses PdP menjadikan guru-guru dapat melaksanakan proses pengajaran dengan lebih berkesan dan efektif di dalam pengajaran agar hasil pembelajaran dapat dicapai. Selain memberi perubahan dalam pengajaran, penggunaan ICT juga mampu membantu pelajar-pelajar untuk mengingat serta mentadabbur al-Quran dengan lebih baik dan berkesan hasil dari maklumat yang terdapat melalui capaian internet. Malah penggunaan ICT seperti aplikasi yang terdapat di dalam telefon pintar menjadikan murid lebih mudah menjalankan aktiviti mereka mengulangkaji bacaan al-Quran atau *murāja'ah*. Hasil dapatan kajian telah membuktikan bahawa kesediaan positif murid tahfiz terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran menjadikan mereka lebih menerokai pelbagai ilmu yang mereka ingin ketahui seterusnya mampu memaksimumkan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, ia juga membina karakter bangsa yang lebih berkeyakinan tidak ketinggalan dalam mengikuti pendidikan arus perdana kini. Oleh demikian, guru tidak boleh lari dari arus kemodenan pendidikan yang sentiasa bertukar dari semasa ke semasa. Guru juga amat disarankan agar terus menerus memperbaiki serta menambah kemahiran dan pengetahuan sebagai persediaan dalam pengajaran agar pendidikan tahfiz seiring maju dengan kemajuan pendidikan yang lain.

Rujukan

- A. Rahim, N. (2013). *Penggunaan mobile learning (m-learning) untuk tujuan pembelajaran dalam kalangan pelajar kejuruteraan UTHM* (Unpublished Doctoral dissertation). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Abdul Rahim, M., & Hashim, A. (2017). Pendekatan pengajaran dalam kalangan pensyarah tahfiz al-Quran di Malaysia. *Perspektif: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(3), 79-88. Retrieved from <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PERS/article/view/1769>.
- Abu Al-Fida', M. I. (2006). *Kaifa nahfazul Quran*. Kaherah: Darul Salam.
- Aziz, S. M. (2013). *Kesediaan guru sekolah menengah agama terhadap penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pengajaran dan pembelajaran* (Laporan Projek Sarjana). Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. Retrieved from <https://core.ac.uk/download/pdf/17049983.pdf>.
- Bowen, K. & Pistili, M. D. (2012, September 25). *Student preferences for mobile app usage* (Research Bulletin). Retrieved from <https://net.educause.edu/ir/library/pdf/erb/erb1210.pdf>.
- Chua, Y. P. (2006). *Kaedah penyelidikan (Buku 1)* (3rd ed.). Kuala Lumpur: McGraw Hill Education.
- Darul Quran. (2007). *Kaedah hafazan al-Quran*. Selangor. Medan Hikmah Sdn. Bhd.
- Daud, Z., Pangilun, S., Umar, A., Tamuri, A. H., Hussin, H., Zakaria, R., ... Nawawi, M. A. M. (2012). Keberkesanan amalan pengajaran tri-kurikulum di maahad tahfiz kerajaan negeri: satu kajian awalan. *International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education 2012 (Icrial 2012)*, 463-472.
- Duffy, G. G. & Roehler, L. R. (1993). *Improving classroom reading instruction: A decision-making approach* (3rd ed.). New York, NY: McGraw-Hill.
- Ee, A. M. (1997). *Pedagogi II: pelaksanaan pengajaran*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Hamzan, M. (2016). *Penggunaan teknologi ICT dalam pengajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama* (Unpublished master's thesis). Universiti Teknologi Malaysia.

- Haron, M. Z., Othman, M. K. H., & Awang, M. I. (2020). Keperluan penilaian pelaksanaan kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia. *Practitioner Research, 1*, 289-316. Retrieved from <http://e-journal.uum.edu.my/index.php/pr/article/view/8202>.
- Hashim, A. & Tamuri, A. H. (2012). Perspektif murid terhadap kaedah pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic Education, 4*(2), 1-10. Retrieved from <http://journalarticle.ukm.my/5990/1/43.pdf>.
- Hassan, S. N. S., Zakaria, N., Long, M. Y., Goje, K., & Said, W. M. (2016). Pembangunan aplikasi teknologi dalam memantapkan pengajaran dan pembelajaran hadis pada zaman globalisasi. *Seminar Warisan Nabawi (SWAN) 2016*. 4-5 Oktober 2016. Fatani University, Thailand.
- Ismail, M. J., Mohamad, S., Tengku Puji, T. I. Z., & Yusof, N. H. (2017). Strategi kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz al-Quran di Malaysia: Satu tinjauan literatur. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari, 15*(1), 55-65. Retrieved from <https://journal.unisza.edu.my/jimk/index.php/jimk/article/view/220>.
- Ismail, S. (2016). Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan cabaran. *Simposium Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa*. 23-23 Oktober 2016. Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM) Bangi.
- Ismail, S. (2018). Sejarah perkembangan dan status terkini pengajian tahfiz di Malaysia: manhaj dan model. *Muzakarah Institusi Tahfiz Negara*. November 2018. Kompleks Dakwah Darul Murtadha, Sungai Petani, Kedah.
- Ja'apar, F. (2017). *Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian* (Unpublished Master's thesis). Universiti Tun Hussein Onn
- Jasmi, K. A., Ibrahim, N., & Mohd. Faez, I. (2012). Gaya pengajaran guru dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI 2012)*, 8-9 Mac 2012. Le Grandeur Palm Resort Johor Bharu, Johor.
- Johari, H., & Fazliana, R. (2011). Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di kalangan pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia Skudai, Johor. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education, 4*, 22-37. Retrieved from <http://eprints.utm.my/id/eprint/19545/1/JTVVEE-4-2011-003.pdf>.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT)*. Kuala Lumpur: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalid, F., Daud, M. Y., & Nasir, M. K. M. (2016). Perbandingan penggunaan telefon pintar untuk tujuan umum dan pembelajaran dalam kalangan pelajar universiti. *International Conference on Education and Regional Development 2016 (ICERD 2016)*. 31 Oktober & 1 November 2016. Bandung, Indonesia.
- Khor, M. T., & Lim, H. L. (2014). Pengetahuan Teknologi Pedagogi Kandungan (PTPK) dalam kalangan guru Matematik Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia, 4*(1), 29-43. <http://www.mycite.my/en/files/article/81219>.
- Md Khairudin, M. K. A. (2018, April 24). Cabaran guru hadapi Revolusi Perindustrian 4.0. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/pendidikan/2018/04/416349/cabaran-guru-hadapi-revolusi-perindustrian-40>.
- Norul' Azmi, N. A., & Zakaria, N. S. (2019). Isu pelaksanaan komunikasi bukan lisan dalam pengajaran Bahasa Arab melalui atas talian. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, 4*(2), 110-124. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/60>.
- Othman, Y., & Othman, A. H. (2016). Keberkesanan penggunaan peta minda dalam pengajaran dan pembelajaran karangan argumentatif di Sebuah Sekolah Menengah Arab di Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu, 2*(2), 32-45. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/46/46>.
- Payne, K. F. B., Wharrad, H., & Watt, K. (2012). Smartphone and medical related app use among medical students and junior doctors in the United Kingdom (UK): A regional survey. *BMC: Medical Informatics & Decision Making, 12*, 121. <https://doi.org/10.1186/1472-6947-12-121>.
- Rahmat, R., Mohd Shah, P. & Puteh., S. N. (2011). *Kesediaan pelajar terhadap penggunaan teknologi m-pembelajaran* [PowerPoint slides]. Retrieved from https://www.slideshare.net/Rashidah_Rahamat353/kesediaan-pelajar-terhadap-penggunaan-teknologi-m-pembelajaran-unri-2011.
- Sallehin, S. A., & Ab Halim, F. (2018). Penggunaan alat bahan bantu mengajar berasaskan multimedia dalam pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Menengah Zon Benut. *Online Journal for TVET Practitioners*. Special Issue. Retrieved from <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4814>.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

- Syed Hassan, S. N., Zakaria, N., Mohd Raus, N., Hanafi, L. H., & Syed Hassan, D. S. N. (2010). Aplikasi teknologi moden dalam memantapkan pendidikan sunnah di era globalisasi. *Seminar Warisan Nabawi kali kedua 2010*. 28-29 Julai 2010. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Tamuri, A. H. (2018). Ke arah memartabatkan pendidikan tahfiz di Malaysia. *Ucaptama Simposium Pendidikan Tahfiz 2018*. 11 Oktober 2018. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Tamuri, A. H. (2019). Prospek dan cabaran pendidikan Tahfiz dalam sistem pendidikan negara [PowerPoint Slides]. *Ucaptama Seminar Halatuju Pengajian Tahfiz. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra* (p. 8). Kota Bharu, Kelantan.
- Volman, M., & van Eck, E. (2001). Gender equity and information technology in education. The second decade. *Review of Educational Research*, 71(4), 613-631. <https://doi.org/10.3102%2F00346543071004613>.
- Wiersma, W. (2000). *Research methods in education: An introduction*. Boston: Allyn and Bacon.
- Yahaya, M. (2017). *Penilaian Program Tahfiz Ulul Albab di Maktab Rendah Sains MARA* (Unpubslied master's thesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.